



PROSEDUR OPERASI STANDARD PENUNDAAN KERETA BURUK/TERPAKAI DI DALAM KAWASAN JMB/MC

DISEDIAKAN OLEH :

**BAHAGIAN PESURUHJAYA BANGUNAN (COB)
JABATAN PENILAIAN DAN PENGURUSAN HARTA**

ALAMAT :

**JABATAN PENILAIAN DAN PENGURUSAN HARTA
DEWAN BANDARAYA KUALA LUMPUR
TINGKAT 17, BANGUNAN TH PERDANA
1001 JALAN SULTAN ISMAIL
50250 KUALA LUMPUR**

**Pejabat Pengarah Eksekutif (Pengurusan)
Diterima**

20 DEC 2016

ISI KANDUNGAN

BIL	PERKARA	MUKA SURAT
1.0	OBJEKTIF	1
2.0	SKOP	1
3.0	RUJUKAN	1-3
4.0	TAFSIRAN	4-5
5.0	SINGKATAN	6
6.0	PROSES KERJA (CARTA ALIR 1)	7-10
7.0	PROSES KERJA (CARTA ALIR 2)	11
8.0	CARTA ALIR 1	
9.0	CARTA ALIR 2	
10.0	UNDANG-UNDANG KECIL (UUK) TAMBAHAN	
11.0	LAMPIRAN	

PROSEDUR OPERASI STANDARD (SOP) PENUNDAAN KERETA BURUK DAN TERSADAI DI DALAM KAWASAN JMB/MC WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR

1.0 OBJEKTIF

Prosedur ini disediakan bagi menjelaskan kaedah-kaedah untuk menjalankan tindakan penundaan kereta buruk dan tersadai dalam kawasan pemajuan Badan Pengurusan Bersama (JMB) dan/atau Perbadanan Pengurusan (MC) di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur selaras dengan Akta Pengurusan Strata 2013 (Akta 757), Peraturan-Peraturan Pengurusan Strata (Penyenggaraan dan Pengurusan) 2015, dan Akta Pengangkutan Jalan 1987.

2.0 SKOP

- 2.1 Prosedur ini digunapakai oleh Badan Pengurusan Bersama (JMB) dan/atau Perbadanan Pengurusan (MC) di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.
- 2.2 Untuk menjalankan tindakan penundaan kereta buruk dan tersadai dalam kawasan pemajuan JMB dan/atau MC di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.

3.0 RUJUKAN

- 3.1 Akta Pengurusan Strata 2013 (Akta 757).

Di bawah Seksyen 32(3) Akta 757 memperuntukkan Badan Pengurusan Bersama boleh, melalui suatu ketetapan khas, membuat undang-undang kecil tambahan atau membuat pindaan kepada undang-undang kecil tambahan itu, yang selaras dengan undang-undang kacil yang ditetapkan oleh peraturan-peraturan yang dibuat di bawah seksyen 150, bagi mengawal selia kawalan, pengurusan, pentadbiran, penggunaan dan penikmatan, bangunan atau tanah yang dicadangkan untuk dipecah bahagi kepada petak-petak dan harta bersama, termasuk kesemua atau mana-mana perkara yang berikut :

- (a) langkah-langkah keselamatan dan perlindungan;
- (b) butiran bagi mana-mana harta bersama yang penggunaannya dihadkan;
- (c) pemeliharaan binatang peliharaan;
- (d) tempat letak kereta;
- (e) penutup lantai;
- (f) kawalan sampah;
- (g) tingkah laku;
- (h) garis panduan seni bina dan landskap yang hendaklah dipatuhi oleh semua pemilik petak; dan

PROSEDUR OPERASI STANDARD (SOP) PENUNDAAN KERETA BURUK DAN TERSADAI DI DALAM KAWASAN JMB/MC WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR

- (i) pengenaan denda yang tidak melebihi dua ratus ringgit terhadap mana-mana pemunya petak, penghuni atau jemputan yang melanggar mana-mana undang-undang kecil.

Di bawah Seksyen 70(2) Akta 757 memperuntukkan Perbadanan Pengurusan boleh, melalui suatu ketetapan khas, membuat undang-undang kecil tambahan atau membuat pindaan kepada undang-undang kecil tambahan itu, yang selaras dengan undang-undang kecil yang ditetapkan oleh peraturan-peraturan yang dibuat di bawah seksyen 150, bagi mengawal selia kawalan, pengurusan, pentadbiran, penggunaan dan penikmatan, bangunan atau tanah yang dicadangkan untuk dipecah bahagi kepada petak-petak dan harta bersama, termasuk kesemua atau mana-mana perkara yang berikut :

- (a) langkah-langkah keselamatan dan perlindungan;
- (b) butiran bagi mana-mana harta bersama yang penggunaannya dihadkan;
- (c) pemeliharaan binatang peliharaan;
- (d) tempat letak kereta;
- (e) penutup lantai;
- (f) kawalan sampah;
- (g) tingkah laku;
- (h) garis panduan seni bina dan landskap yang hendaklah dipatuhi oleh semua pemilik petak; dan
- (i) pengenaan denda yang tidak melebihi dua ratus ringgit terhadap mana-mana pemunya petak, penghuni atau jemputan yang melanggar mana-mana undang-undang kecil.

3.2 Jadual Ketiga Undang-Undang Kecil, Peraturan-Peraturan Pengurusan Strata (Penyenggaraan dan Pengurusan) 2015, Bahagian 5 (Kenderaan) Peraturan 25.

Peraturan 25(1) memperuntukkan tiap-tiap kenderaan hendaklah diparkir di ruang parkir yang diperuntukkan secara wajar tanpa menyebabkan apa-apa halangan kepada mana-mana kenderaan bersebelahan atau laluan trafik. Kenderaan yang diparkir secara tidak wajar boleh ditunda atau dikunci tayar oleh perbadanan pengurusan, atas kos pemilik kenderaan tanpa notis terdahulu dan dalam hal demikian –

- (a) kunci tayar hanya akan ditanggalkan selepas pembayaran kepada perbadanan pengurusan suatu caj oleh perbadanan pengurusan tidak melebihi dua ratus ringgit, beserta apa-apa kos tunda dan caj penyimpanan yang sebenarnya terakru oleh perbadanan pengurusan; dan
- (b) perbadanan pengurusan tidak akan bertanggungjawab terhadap apa-apa kerosakan atau kehilangan akibat dari kenderaan itu ditunda atau dikunci tayar.

Peraturan 25(2) memperuntukkan apa-apa kenderaan tanpa kebenaran diparkir di harta bersama atau mana-mana kenderaan diparkir di luar ruang parkir yang diperuntukkan atau mana-mana ruang parkir yang diperuntukkan untuk pemilik lain, boleh ditunda atau dikunci tayar oleh perbadanan pengurusan, atas kos pemilik kenderaan tanpa notis terdahulu, dan dalam hal demikian –

- (a) kunci tayar hanya akan ditinggalkan selepas pembayaran kepada perbadanan pengurusan suatu caj oleh perbadanan pengurusan tidak melebihi dua ratus ringgit, beserta apa-apa kos tunda dan caj penyimpanan yang sebenarnya terakru oleh perbadanan pengurusan; dan
- (b) perbadanan pengurusan tidak akan bertanggungjawab terhadap apa-apa kerosakan atau kehilangan akibat dari kenderaan itu ditunda atau dikunci tayar.

3.3 Akta Pengangkutan Jalan 1987 (Akta 333)

Di bawah Seksyen 64 (4) Akta 333 memperuntukkan apabila mana-mana kenderaan motor ditahan di bawah seksyen ini, pegawai polis atau pegawai pengangkutan jalan yang menahan kenderaan itu hendaklah dengan seberapa segera yang semunasabahnya praktik, memberikan notis secara bertulis mengenai penahanan itu kepada pemunya kenderaan motor itu jika nama dan alamat pemunya itu diketahui olehnya dan jika dalam tempoh tiga bulan dari tarikh penahanannya kenderaan motor itu tidak dituntut oleh pemunya, pegawai itu hendaklah merujuk perkara itu kepada Majistret, yang hendaklah membuat apa-apa perintah yang difikirkannya patut berkenaan dengan pelucuthakan atau pelupusan kenderaan motor itu serta muatannya (jika ada).

**PROSEDUR OPERASI STANDARD (SOP) PENUNDAAN KERETA BURUK DAN TERSADAI
DI DALAM KAWASAN JMB/MC WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR**

4.0 TAFSIRAN

NO.	PERKARA	PENJELASAN
4.1	Badan Pengurusan Bersama	Badan yang ditubuhkan di bawah Seksyen 17
4.2	Perbadanan Pengurusan	Perbadanan pengurusan yang wujud di bawah Akta Hakmilik Strata 1985
4.3	Pesuruhjaya	Pesuruhjaya Bangunan yang dilantik di bawah subseksyen 4(1), dan termasuk mana-mana Timbalan Pesuruhjaya dan pegawai lain yang dilantik di bawah subseksyen 4(1) untuk menjalankan kuasa atau melaksanakan kewajipan yang dikenakan ke atas Pesuruhjaya
4.4	Harta Bersama	<p>a) Berhubungan dengan suatu bangunan atau tanah yang dicadangkan untuk dipecah bahagi kepada petak-petak, ertinya sebahagian daripada kawasan pemajuan –</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Yang tidak terkandung dalam mana-mana petak atau petak yang dicadangkan; dan ii. Yang digunakan atau boleh digunakan atau dinikmati oleh penghuni dua atau lebih petak atau petak yang dicadangkan. <p>b) Berhubungan dengan suatu bangunan atau tanah yang dipecah bahagi ertinya –</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Yang tidak terkandung dalam mana-mana petak, termasuk mana-mana petak aksesori, atau mana-mana blok sementara yang ditunjukkan dalam pelan strata yang diperakui; dan ii. Yang digunakan atau boleh digunakan atau dinikmati oleh penghuni dua petak atau lebih iii.

**PROSEDUR OPERASI STANDARD (SOP) PENUNDAAN KERETA BURUK DAN TERSADAI
DI DALAM KAWASAN JMB/MC WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR**

NO.	PERKARA	PENJELASAN
4.5	Ketetapan Khas	Suatu ketetapan yang diluluskan dalam suatu mesyuarat agung yang diadakan dengan sewajarnya yang mengenainya notis sekurang-kurangnya dua puluh satu hari yang menyatakan ketetapan yang dicadangkan itu telah diberikan, dan diputuskan oleh suatu majority yang terdiri daripada tidak kurang daripada tiga perempat daripada undian yang sah yang dibuat pada mesyuarat agung itu secara mengangkat tangan, atau sekiranya suatu pengundian dituntut dan diambil, oleh suatu majority yang terdiri daripada tidak kurang daripada tiga perempat undi yang sah yang dibuang pada pengundian itu.
4.6	Jabatan Pengangkutan Jalan	Jabatan yang ditadbirkan oleh Ketua Pengarah
4.7	Kenderaan	Suatu struktur yang boleh bergerak atau digerakkan atau digunakan bagi membawa mana-mana orang atau benda dan yang bersentuhan dengan permukaan bumi apabila bergerak
4.8	Pegawai Pengangkutan Jalan	Mana-mana pegawai yang dilantik menjadi pegawai pengangkutan jalan di bawah seksyen 3
4.9	Pegawai Polis	Termasuklah seorang pegawai polis tambahan, pegawai polis simpanan sukarela atau pegawai polis pembantu yang dilantik di bawah Akta Polis 1967

5.0 SINGKATAN

JMB	-	Badan Pengurusan Bersama / <i>Joint Management Body</i>
MC	-	Perbadanan Pengurusan / <i>Management Corporation</i>
COB	-	Pesuruhjaya Bangunan / <i>Commissioner of Building</i>
JPJ	-	Jabatan Pengangkutan Jalan
JSJ	-	Jabatan Siasatan Jenayah
PDRM	-	Polis Diraja Malaysia
JKAS	-	Jabatan Kesihatan dan Alam Sekitar
DBKL	-	Dewan Bandaraya Kuala Lumpur
UUK	-	Undang-Undang Kecil
A757	-	Akta Pengurusan Strata 2013
PPPSPP 2015	-	Peraturan-Peraturan Pengurusan Strata (Penyenggaraan dan Pengurusan) 2015

**PROSEDUR OPERASI STANDARD (SOP) PENUNDAAN KERETA BURUK DAN TERSADAI
DI DALAM KAWASAN JMB/MC WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR**

6.0 PROSES KERJA (CARTA ALIR 1)

BIL	TINDAKAN	TANGGUNGJAWAB	BORANG/PERUNTUKAN UNDANG-UNDANG
6.1	<p>JMB/MC membuat pindaan/tambahan Undang-Undang Kecil (UUK) "By-Laws"</p> <p>Pindaan/tambahan UUK hendaklah melalui ketetapan khas dan diluluskan serta diputuskan di dalam mana-mana mesyuarat agung</p>	JMB/MC	<p>Jadual Ketiga (Undang-Undang Kecil) PPPSPP 2015 Bahagian 5 (Kenderaan) Peraturan 25 / S32 A757 / S70 A757 / S2 A757</p> <p>Undang-Undang Kecil (UUK) Tambahan Penundaan Kereta Buruk Dan Tersadai Di Dalam Kawasan JMB/MC Oleh COB KL</p>
6.2	<p>Senaraikan maklumat-maklumat dan bilangan kereta buruk/tersadai dalam kawasan JMB/MC. Maklumat berkenaan (sekiranya diketahui) adalah seperti berikut:</p> <p>a. Nama dan alamat pemilik kenderaan b. Nombor pendaftaran kenderaan c. Lokasi kenderaan d. Jumlah kenderaan yang dikenalpasti buruk/tersadai</p>	JMB/MC	Lampiran 1 (Senarai Maklumat Kenderaan Buruk/Tersadai di dalam Kawasan JMB/MC)
6.3	<p>Pengeluaran Notis Peringatan Pertama (30 hari) oleh JMB/MC bagi kenderaan buruk dan tersadai yang diletakkan di :</p> <p>a. Harta Bersama : – Tampal notis atau perintah di kenderaan atau kediaman pemilik (jika diketahui)</p> <p>b. Petak aksesori : – Tampal notis atau perintah di kenderaan atau kediaman pemilik (jika diketahui) dan – Melalui pos berdaftar</p>	JMB/MC	<p>Lampiran 2 (Notis Peringatan Pertama)</p> <p>S144 A757</p>

**PROSEDUR OPERASI STANDARD (SOP) PENUNDAAN KERETA BURUK DAN TERSADAI
DI DALAM KAWASAN JMB/MC WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR**

BIL	TINDAKAN	TANGGUNGJAWAB	BORANG/PERUNTUKAN UNDANG-UNDANG
6.4	Mengambil gambar notis peringatan yang telah ditampal untuk rekod JMB/MC	JMB/MC	
6.5	Sekiranya terdapat tuntutan daripada pemilik kenderaan, JMB/MC boleh mengenakan denda tidak lebih RM200.00 atau apa-apa jumlah denda berdasarkan kelulusan di dalam UUK	JMB/MC	S32 A757 / S70 A757
6.6	Sekiranya tiada tuntutan daripada pemilik kenderaan, JMB/MC membuat permohonan lawatan tapak pemeriksaan keatas kenderaan yang tidak dituntut oleh pemilik kepada beberapa jabatan/agensi yang terlibat untuk siasatan kenderaan di lapangan : a. COB, DBKL b. JKAS, DBKL c. JPJ d. PDRM (JSJ)	JMB/MC	
6.7	Siasatan daripada lawatan tapak, tiada sebarang rekod penemuan maklumat pemilik kenderaan, pihak JMB/MC boleh membuat tindakan penundaan dan pelupusan melalui kontraktor yang dilantik JMB/MC	JMB/MC Kontraktor (Dilantik oleh JMB/MC)	Jadual Ketiga (Undang-Undang Kecil) PPPSPP 2015 Bahagian 5 (Kenderaan) Peraturan 25 / S32 A757 / S70 A757 / S2 A757
6.8	Siasatan daripada lawatan tapak menemui maklumat kenderaan pemilik seperti berikut : a. Nombor casis b. Nombor enjin c. Kenderaan yang mencurigakan/kes polis (sekiranya ada, tindakan lanjut oleh pihak PDRM (JSJ)	JMB/MC COB, DBKL JKAS, DBKL JPJ PDRM (JSJ)	

**PROSEDUR OPERASI STANDARD (SOP) PENUNDAAN KERETA BURUK DAN TERSADAI
DI DALAM KAWASAN JMB/MC WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR**

BIL	TINDAKAN	TANGGUNGJAWAB	BORANG/PERUNTUKAN UNDANG-UNDANG
6.9	<p>Semakan pengesahan maklumat pemilik kenderaan di JPJ Wilayah Persekutuan Putrajaya dengan bayaran caj sebanyak RM20.00 untuk setiap semakan. Permohonan semakan maklumat adalah seperti berikut :</p> <p>a. Nama dan butiran peribadi pemilik (no. kad pengenalan, alamat, no. telefon, email dll)</p> <p>b. Maklumat bank</p> <p>c. Maklumat insurans</p> <p>d. Rekod polis</p>	JMB/MC JPJ	
6.10	<p>Sekiranya semakan kenderaan melibatkan rekod polis (JSJ), JMB/MC perlu membuat laporan terus kepada Ibu Pejabat Polis Bukit Aman untuk tindakan lanjut (rujuk Carta Alir 2)</p>	PDRM – JSJ Bukit Aman	
6.11	<p>Pengeluaran Notis Peringatan Kedua (30 hari) oleh JMB/MC ke alamat pemilik/bank/syarikat insurans bagi kenderaan melalui maklumat lawatan tapak dan rekod semakan JPJ.</p> <p>Notis dikeluarkan secara :</p> <p>a. Pos berdaftar dan</p> <p>b. Menampal notis atau perintah di kenderaan atau kediaman pemilik (jika diketahui)</p>	JMB/MC	<p>Lampiran 3 (Notis Peringatan Kedua)</p> <p>S144 A757</p>
6.12	<p>Sekiranya terdapat tuntutan daripada pemilik kenderaan, JMB/MC boleh mengenakan denda tidak lebih RM200.00 atau apa-apa jumlah denda berdasarkan kelulusan di dalam UUK</p>	JMB/MC	S32 A757 / S70 A757

**PROSEDUR OPERASI STANDARD (SOP) PENUNDAAN KERETA BURUK DAN TERSADAI
DI DALAM KAWASAN JMB/MC WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR**

BIL	TINDAKAN	TANGGUNGJAWAB	BORANG/PERUNTUKAN UNDANG-UNDANG
6.13	<p>Sekiranya tiada tuntutan daripada pemilik kenderaan, JMB/MC mengeluarkan Notis Peringatan Ketiga (30 hari) ke alamat pemilik/bank/syarikat insurans bagi kenderaan melalui maklumat lawatan tapak dan rekod semakan JPJ.</p> <p>Notis dikeluarkan secara :</p> <p>a. Pos berdaftar dan b. Menampal notis atau perintah di kenderaan atau kediaman pemilik (jika diketahui)</p>	JMB/MC	<p>Lampiran 4 (Notis Peringatan Ketiga)</p> <p>S144 A757</p>
6.14	<p>Sekiranya terdapat tuntutan daripada pemilik kenderaan, JMB/MC boleh mengenakan denda tidak lebih RM200.00 atau apa-apa jumlah denda berdasarkan kelulusan di dalam UUK</p>	JMB/MC	S32 A757 / S70 A757
6.15	<p>Sekiranya tiada tuntutan daripada pemilik kenderaan, JMB/MC melantik kontraktor</p>	JMB/MC	
6.16	<p>Tindakan penundaan kenderaan oleh kontraktor yang dilantik</p>	<p>JMB/MC Kontraktor (Dilantik oleh JMB/MC)</p>	


**PROSEDUR OPERASI STANDARD (SOP) PENUNDAAN KERETA BURUK DAN TERSADAI
DI DALAM KAWASAN JMB/MC WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR**

7.0 PROSES KERJA (CARTA ALIR 2)


KENDERAAN YANG MEMPUNYAI REKOD POLIS – JABATAN SIASATAN JENAYAH

BIL	TINDAKAN	TANGGUNGJAWAB	BORANG/PERUNTUKAN UNDANG-UNDANG
7.1	JMB/MC melaporkan kenderaan kes kepada Ibu Pejabat Polis Bukit Aman untuk semakan rekod beserta maklumat daripada JPJ	JMB/MC	
7.2	Bukit Aman/IPD/IPK membuat semakan lanjut dimana kenderaan kes dilaporkan hilang/curi/kes jenayah	PDRM – JSJ Bukit Aman	
7.3	Bukit Aman/IPD/IPK memaklumkan penemuan kenderaan kes kepada Balai Polis berkaitan (dimana kenderaan kes dilaporkan hilang/curi/kes jenayah) dan kepada JMB/MC dengan rekod semakan	PDRM – JSJ Bukit Aman	
7.4	JMB/MC hubungi Balai Polis berkaitan untuk tindakan siasatan dan mengambil kenderaan kes berkenaan	JMB/MC	
7.5	JMB/MC membuat aku janji untuk memastikan kenderaan kes disimpan dengan baik dalam kawasan JMB/MC sepertimana keadaan fizikal kenderaan sewaktu laporan dibuat sebelum pegawai penyiasat datang menjalankan siasatan	JMB/MC	Lampiran 5
7.5	Pegawai Penyiasat menjalankan siasatan ke atas kenderaan kes dan kemukakan salinan laporan siasatan kepada Ibu Pejabat Bukit Aman dan JMB/MC	Balai Polis Berkaitan (Balai dimana laporan Polis dibuat bagi kehilangan/kecurian kenderaan kes)	


8.0 CARTA ALIR 1 : PROSEDUR OPERASI STANDARD (SOP) PENUNDAAN KERETA BURUK DAN TERSADAI DI DALAM KAWASAN JMB/MC



8.0 CARTA ALIR 1 : PROSEDUR OPERASI STANDARD (SOP) PENUNDAAN KERETA BURUK DAN TERSADAI DI DALAM KAWASAN JMB/MC



9.0 CARTA ALIR 2 : KENDERAAN YANG MEMPUYAI REKOD POLIS - JABATAN SIASATAN JENAYAH **



10.0 UNDANG-UNDANG KECIL (UUK) TAMBAHAN
PENUNDAAN KERETA BURUK DAN TERSADAI DI DALAM KAWASAN
JMB/MC OLEH COB KL

BAHAGIAN 5
KENDERAAN

25. Kenderaan

- (8) Kenderaan yang diletakkan dalam kawasan pemajuan JMB/MC perlu didaftarkan maklumat pemilikan –
- (a) Nama pemilik kenderaan;
 - (b) Jenis dan warna kenderaan;
 - (c) Nombor pendaftaran kenderaan
- (9) Proses penundaan kereta buruk/tersadai
- (a) JMB/MC boleh menunda kenderaan buruk/tersadai yang diparkir dan menyebabkan halangan kepada mana-mana kenderaan bersebelahan/diparkir di harta bersama/mana-mana kenderaan diparkir di luar ruang parkir yang diperuntukkan.
 - (b) JMB/MC perlu mengklasifikasikan kategori kenderaan buruk/tersadai di dalam kawasan pemajuan yang mana melibatkan fizikal kenderaan, tempoh masa ditinggalkan dan lokasi kenderaan.
 - (c) Proses penundaan kereta buruk/tersadai yang digunapakai adalah merujuk kepada **PROSEDUR OPERASI STANDARD (SOP) KERETA BURUK DAN TERSADAI DI DALAM KAWASAN PEMAJUAN JMB/MC** yang dikeluarkan oleh Pesuruhjaya Bangunan Kuala Lumpur dan ianya merupakan sebahagian daripada UUK tambahan.

**UUK TAMBAHAN – PENUNDAAN KERETA BURUK DAN TERSADAI
DI DALAM KAWASAN JMB/MC**

- (10) Pelantikan kontraktor bagi penundaan kenderaan
- (a) JMB/MC perlu mendapatkan sekurang-kurangnya tiga (3) sebutharga bagi melantik kontraktor untuk kerja-kerja penundaan kenderaan dan sebutharga berkenaan perlu dibicarakan dan diputuskan di dalam mana-mana mesyuarat agung oleh pihak JMB/MC.



BADAN PENGURUSAN BERSAMA PANGSAPURI ABC /
PERBADANAN PENGURUSAN PANGSAPURI ABC
PEJABAT PENGURUSAN 00-01, BLOK G,
JALAN BERJAYA 1/59,
58200 KUALA LUMPUR

SENARAI MAKLUMAT KENDERAAN BURUK/TERSADAI DI DALAM KAWASAN JMB/MC

NO	NAMA PEMILIK	NOMBOR PENDAFTARAN KENDERAAN	LOKASI	KATEGORI KENDERAAN
1.				
2.				
3.				
4.				
5.				
6.				
7.				
8.				
9.				
10.				



BADAN PENGURUSAN BERSAMA PANGSAPURI ABC /
PERBADANAN PENGURUSAN PANGSAPURI ABC
PEJABAT PENGURUSAN 00-01, BLOK G,
JALAN BERJAYA 1/59,
58200 KUALA LUMPUR

NOTIS PERINGATAN PERTAMA UNTUK MENGALIHKAN KENDERAAN BURUK/TERSADAI

Kepada :

(Nama dan alamat pemilik kenderaan berdasarkan semakan JPJ)

BAHAWASANYA kamu didapati telah melakukan suatu pelanggaran di bawah Jadual Ketiga Peraturan-Peraturan Pengurusan Strata (Penyenggaraan dan Pengurusan) 2015 dengan –

- * menyebabkan halangan kepada mana-mana kenderaan bersebelahan atau laluan trafik di bawah Peraturan 25 (1) Undang-Undang Kecil
- * meletakkan kenderaan tanpa kebenaran di kawasan harta bersama atau mana-mana kenderaan diparkir di luar ruang parkir yang diperuntukkan atau mana-mana ruang lain yang diperuntukkan untuk pemilik lain di bawah Peraturan 25 (2) Undang-Undang Kecil

Kami sebagai *Perbadanan Pengurusan/Badan Pengurusan Bersama* menurut kuasa yang diberi di bawah Jadual Ketiga Peraturan-Peraturan Pengurusan Strata (Penyenggaraan dan Pengurusan) 2015 boleh mengambil tindakan menunda kenderaan pemilik atas kos pemilik kenderaan dan pihak kami tidak akan bertanggung terhadap apa-apa kerosakan atau kehilangan dari kenderaan itu ditunda.

AMBIL PERHATIAN SELANJUTNYA bahawa mana-mana pemilik yang, tanpa alasan yang munasabah, tidak mengalihkan kenderaan yang dinyatakan dalam tempoh 30 hari boleh dikenakan suatu caj oleh *Perbadanan Pengurusan/Badan Pengurusan Bersama* tidak melebihi dua ratus ringgit, beserta apa-apa kos tunda dan caj penyimpanan sebenarnya terakru oleh *Perbadanan Pengurusan/Badan Pengurusan Bersama*. Pihak MC/JMB juga berhak menjalankan siasatan di tapak sekiranya tiada tuntutan oleh mana-mana pemilik dengan kerjasama pihak berwajib.

Bertarikh.....

.....

Tandatangan penandatangan yang diberi kuasa bagi *Perbadanan Pengurusan/Badan Pengurusan Bersama*

Nama :

Jawatan :

Nota :

(1) Tempoh masa notis perlu dimasukkan di dalam Undang-Undang Kecil dan diluluskan di dalam mana-mana mesyuarat agung



BADAN PENGURUSAN BERSAMA PANGSAPURI ABC /
PERBADANAN PENGURUSAN PANGSAPURI ABC
PEJABAT PENGURUSAN 00-01, BLOK G,
JALAN BERJAYA 1/59,
58200 KUALA LUMPUR

NOTIS PERINGATAN KEDUA UNTUK MENGALIHKAN KENDERAAN BURUK/TERSADAI

Kepada :

(Nama dan alamat pemilik kenderaan berdasarkan semakan nombor casis dan nombor enjin)

BAHAWASANYA kamu telah didapati melakukan suatu pelanggaran di bawah Jadual Ketiga Peraturan-Peraturan Pengurusan Strata (Penyenggaraan dan Pengurusan) 2015 dengan –

- * menyebabkan halangan kepada mana-mana kenderaan bersebelahan atau laluan trafik di bawah Peraturan 25 (1) Undang-Undang Kecil
* meletakkan kenderaan tanpa kebenaran di kawasan harta bersama atau mana-mana kenderaan diparkir di luar ruang parkir yang diperuntukkan atau mana-mana ruang lain yang diperuntukkan untuk pemilik lain di bawah Peraturan 25 (2) Undang-Undang Kecil

Kami sebagai *Perbadanan Pengurusan/Badan Pengurusan Bersama* menurut kuasa yang diberi di bawah Jadual Ketiga Peraturan-Peraturan Pengurusan Strata (Penyenggaraan dan Pengurusan) 2015 boleh mengambil tindakan menunda kenderaan pemilik atas kos pemilik kenderaan dan pihak kami tidak akan bertanggungjawab terhadap apa-apa kerosakan atau kehilangan dari kenderaan itu ditunda.

AMBIL PERHATIAN SELANJUTNYA bahawa pihak tuan telahpun diberikan Notis Peringatan Pertama serta siasatan di tapak juga telah dijalankan dengan sewajarnya dan mendapati pihak tuan telah gagal untuk menuntut/mengalihkkan kenderaan dalam tempoh 30 hari sepertimana yang ditetapkan oleh *Perbadanan Pengurusan/Badan Pengurusan Bersama* tanpa alasan yang munasabah. Justeru, *Perbadanan Pengurusan/Badan Pengurusan Bersama* boleh mengambil tindakan penundaan/pelupusan.

Bertarikh.....

.....

Tandatangan penandatangan yang diberi kuasa bagi *Perbadanan Pengurusan/Badan Pengurusan Bersama*

Nama :

Jawatan :

Nota :

(1) Tempoh masa notis perlu dimasukkan di dalam Undang-Undang Kecil dan diluluskan di dalam mana-mana mesyuarat agung



BADAN PENGURUSAN BERSAMA PANGSAPURI ABC /
PERBADANAN PENGURUSAN PANGSAPURI ABC
PEJABAT PENGURUSAN 00-01, BLOK G,
JALAN BERJAYA 1/59,
58200 KUALA LUMPUR

NOTIS PERINGATAN KETIGA UNTUK MENGALIHKAN KENDERAAN BURUK/TERSADAI

Kepada :

(Nama dan alamat pemilik kenderaan berdasarkan semakan nombor casis dan nombor enjin)

BAHAWASANYA kamu telah melakukan suatu pelanggaran di bawah Jadual Ketiga Peraturan-Peraturan
Pengurusan Strata (Penyenggaraan dan Pengurusan) 2015 dengan -

- * menyebabkan halangan kepada mana-mana kenderaan bersebelahan atau laluan trafik di bawah
Peraturan 25 (1) Undang-Undang Kecil
* meletakkan kenderaan tanpa kebenaran di kawasan harta bersama atau mana-mana kenderaan
diparkir di luar ruang parkir yang diperuntukkan atau mana-mana ruang lain yang diperuntukkan
untuk pemilik lain di bawah Peraturan 25 (2) Undang-Undang Kecil

Kami sebagai *Perbadanan Pengurusan/Badan Pengurusan Bersama* menurut kuasa yang diberi di
bawah Jadual Ketiga Peraturan-Peraturan Pengurusan Strata (Penyenggaraan dan Pengurusan) 2015
boleh mengambil tindakan menunda kenderaan pemilik atas kos pemilik kenderaan dan pihak kami tidak
akan bertanggung terhadap apa-apa kerosakan atau kehilangan dari kenderaan itu ditunda.

AMBIL PERHATIAN SELANJUTNYA bahawa pihak tuan telahpun diberikan Notis Peringatan Pertama
serta siasatan di tapak juga telah dijalankan dengan sewajarnya dan mendapati pihak tuan telah gagal
untuk menuntut/mengalihkan kenderaan dalam tempoh 30 hari sepertimana yang ditetapkan oleh
Perbadanan Pengurusan/Badan Pengurusan Bersama tanpa alasan yang munasabah. Justeru,
Perbadanan Pengurusan/Badan Pengurusan Bersama boleh mengambil tindakan
penundaan/pelupusan.

Bertarikh.....

.....

Tandatangan penandatangan yang diberi kuasa bagi *Perbadanan Pengurusan/Badan Pengurusan
Bersama*

Nama :

Jawatan :

Nota :

(1) Tempoh masa notis perlu dimasukkan di dalam Undang-Undang Kecil dan diluluskan di dalam mana-mana mesyuarat agung

SURAT AKU JANJI
TANGGUNGAN TERHADAP KENDERAAN BURUK/TERSADAI

Saya,, No Kad Pengenalan..... yang merupakan (Pengerusi/Setiausaha/Bendahari/AJK) daripada Perbadanan Pengurusan/Badan Pengurusan Bersama.....(Nama Badan).....yang beralamat di dengan ini sebagai wakil berjanji akan bertanggungjawab ke atas kenderaan kes sepertimana maklumat berikut (sekiranya diketahui) (a) Jenis kenderaan; (b) Nombor casis/enjin; (c) Nombor pendaftaran kenderaan.....; dan (d) Warna kenderaan dengan memastikan kenderaan kes di simpan di kawasan pemajuan MC/JMB dalam keadaan selamat dan sepertimana keadaan fizikal kenderaan sewaktu laporan dibuat sebelum pegawai penyiasat PDRM datang menjalankan siasatan.

Saya sesungguhnya faham dan mengakui bahawa pihak PDRM adalah tidak bertanggung terhadap tindakan yang telah diambil oleh pihak JMB/MC dan sekiranya disabitkan sebarang tindakan undang-undang oleh mana-mana pihak keatas JMB/MC juga tidak akan melibatkan pihak PDRM.

.....
(Tandatangan wakil MC/JMB)

.....
(Jawatan MC/JMB)

Di hadapan saya,

.....
(Tandatangan Pegawai)

.....
(Nama dan No. Kad Pengenalan Pegawai)

.....
(Tarikh)

.....
(Cop Rasmi Jabatan)